

LAMPIRAN D

(Kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang)

Transaksi Kad diproses melalui perkhidmatan perbankan internet “CIMB Clicks” Bank

1. DEFINISI DAN TAFSIRAN

1.1 Perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Lampiran ini mempunyai maksud berikut:-

“**Transaksi Kad melalui Clicks**” bermaksud sebarang transaksi pembayaran dilaksanakan atau akan dilaksanakan kepada Pedagang melalui penggunaan Kad dikeluarkan oleh Bank melalui perkhidmatan perbankan internet “CIMB Clicks” Bank.

2. PENUBUHAN SISTEM PEDAGANG

2.1 Pedagang dengan ini bersetuju untuk:-

- (a) menyediakan, menyelenggara, menaik taraf, memasti keselamatan dan integriti sistem computer Pedagang, perisian yang diperlukan untuk melaksanakan Transaksi Kad melalui Clicks atas kos dan perbelanjaannya;
- (b) memaklum Bank sebelum ia menaik taraf atau mengubah versi atau jenis perisian dan/atau perkakasnya atau mana-mana bahagian sistemnya yang digunakan untuk melaksanakan Transaksi Kad melalui Clicks dan jika diminta oleh Bank, untuk melakukan ujian dengan Bank untuk memastikan keserasian dengan sistem Bank sebelum pelaksanaan sebenar. Jika Transaksi Kad melalui Clicks tidak dapat dilaksanakan atau jika terdapat kesilapan dalam transaksi timbul daripada kenaikan taraf atau perubahan dibuat oleh Pedagang, sebarang kerugian dan ganti rugi berbangkit dialami hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Pedagang. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk kerugian dan/atau ganti rugi tersebut;
- (c) menerima tanggungjawab sepenuhnya untuk semua tuntutan, liabiliti, kerugian atau ganti rugi dialami oleh mana-mana pihak disebabkan oleh atau apa-apa pelanggaran atau kompromi keselamatan atau integriti, atau kerosakan, apa-apa perisian penyulitan dan pengenalan, apa-apa kunci kod elektronik, apa-apa peralatan atau sistem Pedagang, melainkan ia diakibatkan oleh Bank;
- (d) membenarkan Bank untuk memasuki mana-mana premis Pedagang dengan notis bertulis terdahulu kepada Pedagang untuk memeriksa perisian Pedagang, perkakasan dan/atau mana-mana bahagian lain sistemnya untuk menyemak sama ada penyediaan, operasi, penyelenggaraan, keselamatan dan integritinya mematuhi dengan PCI-DSS;
- (e) sebaik sahaja Pedagang menyedari bahawa apa-apa pelanggaran keselamatan percubaan atau sebenar, Pedagang hendaklah dengan segera memaklumkan Bank tentang ini secara bertulis;
- (f) memberi suatu penerangan penuh bagi barangan dan/atau perkhidmatan Pedagang yang disediakan atas Laman Web Pedagang termasuk suatu penerangan sebarang jaminan dan/atau waranti diberikan oleh pembekal dan/atau pengilang bagi barangan dan/atau perkhidmatan tersebut;
- (g) memasti bahawa semua perwakilan dan periklanan dipapar atas Laman Web Pedagang dan apa-apa periklanan atau bahan dicetak yang diberikan oleh Bank untuk penerbitan adalah tepat dan benar dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk mereka;

- (h) menyenarai secara tepat atas Laman Web Pedagang kos barangan dan/atau perkhidmatan dan caj penyampaian dan penghantaran dalam Ringgit Malaysia dan dalam mata wang asing lain sebegitu yang setara;
- (i) tidak menggunakan taktik jualan yang tidak beretika atau amalan yang tidak jujur seperti mengiklan barangan dan/atau perkhidmatan untuk jualan dengan harga yang ia tidak berniat untuk melaksanakan; dan
- (j) hanya mengiklan barangan dan/atau perkhidmatan di mana Pedagang adalah secara sah dibenarkan untuk menjual yang sama.

3. TRANSAKSI KAD MELALUI CLICKS

- 3.1 Bank bersetuju untuk membenarkan Pemegang Kad untuk membuat Transaksi Kad melalui Clicks untuk membayar bagi barangan dan / atau perkhidmatan dibeli daripada Pedagang. Namun begitu, kelulusan terdahulu Bank perlu didapatkan sebelum setiap satu Transaksi Kad melalui Clicks disempurnakan.
- 3.2 Pedagang mestilah mematuhi arahan Bank sebagai maklum balas kepada permintaan Pedagang untuk pembayaran berkaitan dengan mana-mana Transaksi Kad melalui Clicks.
- 3.3 Semua Transaksi Kad melalui Clicks hendaklah dalam Ringgit Malaysia (RM).

4. PENYEMPURNAAN TRANSAKSI KAD MELALUI CLICKS

- 4.1 Apabila menyempurna Transaksi Kad melalui Clicks, Pedagang mestilah memberi Pemegang Kad resit transaksi sama ada melalui mesej e-mel berasingan atau menghantar resit fizikal melalui pos.

5. PENYELESAIAN PEMBAYARAN

- 5.1 Waktu terakhir harian untuk Transaksi Kad melalui Clicks adalah waktu Malaysia 23:00 atau waktu lain sebegitu dimaklum kepada Pedagang. Sebarang Transaksi Kad melalui Clicks dilaksanakan sebelum waktu tersebut hendaklah pada setiap hari dimasukkan oleh Bank dalam kumpulan penyelesaian untuk diselesai oleh Bank.
- 5.2 Bank akan membayar Pedagang wang yang perlu dibayar untuk Transaksi Kad melalui Clicks yang diberi kuasa dengan betul selepas menolak Diskaun Pedagang dan semua fi dan caj lain, melainkan:-
 - (a) Bank telah menerima notis untuk menahan pembayaran atau menggunakan budi bicara atau haknya untuk menahan pembayaran; atau
 - (b) Pedagang telah memungkiri mana-mana kewajipannya.
- 5.3 Jika pembayaran tidak diterima oleh Pedagang dalam tempoh tujuh (7) Hari Kalendar dari tarikh Transaksi Kad melalui Clicks yang berkaitan, Pedagang mesti segera memaklumkan kepada Bank secara bertulis. Jika Pedagang tidak memaklumkan kepada Bank bahawa ia belum menerima pembayaran dalam empat belas (14) Hari Kalendar dari tarikh Transaksi Kad melalui Clicks yang berkaitan, Bank tidak perlu membayar wang dituntut oleh Pedagang di bawah Transaksi Kad melalui Clicks tersebut.
- 5.4 Sebarang percanggahan atau kesilapan yang timbul daripada proses penyelesaian mesti dimaklumkan kepada Bank secara bertulis dalam tujuh (7) Hari Kalendar dari tarikh pembayaran

Bank, jika gagal Pedagang akan dianggap telah mengetepikan haknya untuk membuat sebarang tuntutan terhadap Bank berkenaan dengan percanggahan atau kesilapan tersebut

- 5.5 Jika Bank mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai mana-mana Transaksi Kad melalui Clicks adalah tidak teratur (*sama ada melalui penipuan atau sebaliknya atau transaksi melanggar undang-undang atau peraturan-peraturan mana-mana agensi kerajaan, atau jika Bank menerima penyata bertulis daripada Pemegang Kad yang menafikan transaksi*) ("**Transaksi Kad Tidak Teratur**"), Transaksi Kad Tidak Teratur tersebut akan menjadi tidak sah.
- 5.6 Tanpa perjudis kepada Klausa 5.5 di atas, Bank boleh menahan pembayaran sehingga enam (6) bulan dari tarikh Transaksi Kad Tidak Teratur ("**Tempoh Penahanan Permulaan**") untuk siasatan. Jika Bank mendapati Transaksi Kad Tidak Teratur sebenarnya sah, Bank hendaklah membuat bayaran untuknya tanpa faedah. Jika Bank tidak dapat menyelesaikan siasatannya semasa Tempoh Penahanan Permulaan, Bank boleh membuat laporan polis terhadap Pedagang dan terus menahan pembayaran sehingga Bank menerima laporan siasatan polis yang lengkap. Jika berdasarkan penemuan polis, Bank berpuas hati bahawa Transaksi Kad Tidak Teratur adalah sah, Bank hendaklah membuat pembayaran untuknya tanpa faedah.

6. PENYATA

- 6.1 Bank hendaklah memberi penyata akaun untuk Transaksi Kad melalui Clicks kepada Pedagang dalam format yang mungkin bersetuju oleh Pihak dari semasa ke semasa.
- 6.2 Pedagang hendaklah apabila menerima penyata akaun, mengemaskini akaun pelanggan mereka masing-masing untuk pembayaran dilaksanakan oleh Bank. Jika Pedagang tidak dapat mengemaskini akaun pelanggan mereka masing-masing, Pedagang hendaklah dengan serta merta memaklumkan Bank yang sama.

7. LAMPIRAN D HENDAKLAH DIBACA DENGAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN PEDAGANG

- 7.1 Lampiran D ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang Bank. Sekiranya terdapat percanggahan, Lampiran D akan mengatasi Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang, setakat yang berkaitan dengan Transaksi Kad melalui Clicks.

● Halaman selebihnya sengaja dibiarkan kosong ●